



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 28 JANUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SALAHUDDIN: A GOOD LESSON FOR PH, NATION, CHINA PRESS -A5 SALAHUDDIN: PAKATAN HARAPAN STILL HAVE ROOMS FOR IMPROVEMENT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A24 RM20 MILLION FUNDED TO CARRY OUT FARMER'S PROGRAMME, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	PERSATUAN PENGUSAHA – PENGUSAHA BURUNG WALIT NSDK TO EXCHANGE EXPERIENCE WITH, KL / SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7.	INDUSTRI PERIKANAN NEGARA KEKURANGAN GOLONGAN MUDA – SALAHUDDIN, NEWS, ASTRO AWANI -7 REZEKI 'IKAN LARANGAN', SETEMPAT, HM -10 KESAN BURUK KEPADA HIDUPAN AIR, SETEMPAT, HM -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	NELAYAN RESAH PROJEK BENTENG PEMECAH OMBAK LEWAT, DALAM NEGERI, UM -10	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
9. 10.	TERLAMPAU MEMBAZIR MAKANAN, MEGA AGRO, UM -28 KEMPEN BANTU UBAH PERSEPSI, MEGA AGRO, UM -29	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	JUALAN MY BEST BUY DI PEJABAT FAMA CAWANGAN SETIAP BULAN, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Salahuddin: A good lesson for PH		
MediaTitle	China Press		
Date	28 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A5	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,166



# “對希盟是很好教訓”

## 沙拉胡丁：須探討不滿聲音

（麻坡27日讯）诚信党署理主席拿督沙拉胡丁阿育说，在金马仑高原国席补选失利，对希盟而言是很好的教训。

他认为，希盟有必要针对这场补选成绩，进行深刻剖析，尤其就人民感到不满的各项课题，进行探讨及改进。

沙拉胡丁也是农业及农基工业部长兼新邦二南区州议员。他今日在新邦二南州选区，派送年柑及红包封给华裔市民，及颁赠物资给弱势家庭后这么说。

他说，从金马仑补选成绩看来，那是选民的选择。

### 反映人民有不滿

“任何一场补选，除了选民的偏向，还有种种因素将影响选举结果，因此，有时胜方是执政党，有时是反对党取胜，这是很平常的事情。”

沙拉胡丁坦言，这场选举结果反映人民对执政8个月的希盟政府，有些不满的声音，政府有必要就此深入解剖，特别是全面探讨、改善及纠正一些民生课题及政策。

他说，希盟必须从中吸取教训，并做好应对下一场补选的准备，确保捍卫士毛月州议席。

Headline	Salahuddin: Pakatan Harapan still have rooms for improvement		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	28 Jan 2019	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A24	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 909
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,727



## 沙拉胡丁：希盟仍有改进空间

(麻坡 27 日讯) 诚信党署理主席拿督沙拉胡丁认为，金马仑国席补选失利，对希望联盟面

言是很好的教训。

他说，这反映希盟仍有许多工作做得不理想，及还有很

大的改善空间。

无论如何，他接受金马仑选民决定，并称补选对执政党有输有赢，这是很平常的事。

沙拉胡丁也是新邦二南州议员，他今早到选区派发新春

用品予 30 名华裔清寒家庭后，在记者会时这么指出。

他说，希盟必须从中吸取教训，并做好应对来临雪州士毛月州席补选的准备，确保能捍卫此州议席。

Headline	RM20 million funded to carry out farmers` programme		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	28 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	205,000
Page No	C4	Readership	615,000
Language	Chinese	ArticleSize	452 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,164
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,491



## 農長：鼓勵年輕人務農 撥2000萬推行農民計劃

(麻坡27日讯) 农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育披露，该部将拨出2000万令吉，推行一项青年农民计划，鼓励年轻人尝试该领域。

他说，此将于下月正式推介的计划，除了提供有意加投入农业发展或创业的年轻人进行农耕培训，同时提供各项农业与科技新知，及创业基金。

他说，该部也会就租借政府地段，让有意者进行农植的事项，进行研究及探讨，以鼓励更多年轻人加入农业领域。

新邦二南州议员沙拉胡丁阿育今日派发年柑给选民，及移交援助金与新春物品给贫黎后指出，政府将设定40岁以下的年轻人，为这项青年农民计划的对象。

他认为，农业与畜牧业的前景广，年轻人可以选择往此领域创业，并利用创意和科技，发展新兴农业，开拓新商机。

他提及，一些地区出现大片荒废的农地，非常浪费。

他指出，该部鼓励农民在相关地段种



■沙拉胡丁阿育（左2）派发红包封给选民，向支持者拜早年。

植经济作物，即拥有高经济效益的农作物，如辣椒、黄梨、椰子和草药等，皆是拥有潜能的种植产品。

另外，沙拉胡丁阿育指出，该州选区服务中心趁著华人农历新年到来之前，颁发一笔援助金及新春物品，给选区内30

户贫困家庭。

他说，这些弱势群体需受到社会的关注及援助，以和大家共庆佳节。

他指出，今日派柑活动上，除了给选民送上新春祝福，也不忘聆听和收集居民面对的民生问题，以协助解决。



■沙拉胡丁阿育（站者）派年柑给民众，并与民众在小贩中心共享早餐，展现亲民一面。

Headline	Persatuan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit NSDK to exchange experience with		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	28 Jan 2019	Color	Black/white
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B7	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	343 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,598
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,795



森燕窝商公会一行人于芙蓉警区总部与警方领导开会讨论燕窝盗贼问题，左起李国昌、陈文添、李志群、王万萍、锺水英、李莲清、刘财、李银芳、张福宝及云天光。

## 森燕窝商公会与芙蓉警区交流

(芙蓉 27 日讯) 森美兰州燕窝商公会在会长拿督李银芳带领下，到芙蓉警区进行交流，以讨论燕窝盗贼的问题。

李银芳在会议上向警区主任张福宝提出了 4 项诉求，包括除了引用目前的刑事法典第 380 条及第 457 条，也应用 772 动物福利法令、如果案件发生，该采取什么行动、如何快速完成报案程序及警方与业者间该如何合作？

### 商讨提控盗贼

张福宝表示，772 法令只有农业部所委任的动物福利官有权利执行，警方没法引用，不过他会与兽医局召开会议，同时会要求森燕窝商公会的代表一起出席，也会与检查署商讨提控盗贼的法令。

他说，当罪案发生或怀疑罪案发生时，业者需要马上报案，如果发现可疑人物或车辆，应该通知警方去侦查。

他也会下令警局负责人，如果有燕窝业者报案或要求协助，必须给与全力协助。

张福宝也利用 WhatsApp 手机程序成立芙蓉警区与森燕窝商公会理事通讯群，只要芙

蓉区内有关燕窝的窃案发生、怀疑窃案、有疑人物或车辆，都可以把资料发到该群，让有关负责人采取行动。

李银芳非常感谢芙蓉警区主任张福宝助理总监特意安排警区的领导与森燕窝商公会开会，以协助解决这个困扰燕窝业者们多时的难题。

他指出，这次的会议取得了很好的效果，警方和公会建立的沟通桥梁，对于日后在调查及罪案方面必定可以取得良好的效果。

他呼吁业者们在有关燕窝的窃案发生后一定要报案，这样警方才能掌握更多的数据。此外，若发现窃案、怀疑有窃案、发现可疑人物或车辆，尽快通知邻近警局，位于芙蓉的也请通知森燕窝商公会理事，让他们通知警区的负责人。

出席该会议的代表还包括有副主席刘财、李莲清、副秘书长李国昌、财政王万萍、理事钟水英、陈文添、会员吴海伦、李志群及彭开华。

警方代表有芙蓉警区防范罪案及社区安全组主任云天光，刑事调查部及芙蓉警区各警局主任等。

Headline	Industri perikanan negara kekurangan golongan muda - Salahuddin		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	28 Jan 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Industri perikanan negara kekurangan golongan muda - Salahuddin

TANGKAK : Industri perikanan negara kini menghadapi cabaran kekurangan golongan muda dalam industri tersebut sehingga menyebabkan pemilik bot lebih gemar menggajikan awak-awak warga asing bagi membantu mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dat...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	10

Mohd Rafi Mamat  
cnews@nstp.com.my

**Pelikan**

**P**ermintaan mengalakkan selain harga tinggi mendorong ramai penternak di daerah ini memelihara ikan baung ekor merah atau nama saintifiknya Hemibarbus Wyckiooides secara komersial dalam sangkar di Sungai Pahang, di sini.

Spesies dikategorikan sebagai ikan pemangsa dikatakan berasal dari Sungai Mekong, Vietnam, kini mula menjadi pilihan pengembara ikan air tawar itu.

Penternak Khairul Ibrahim, 34, berkata ikan baung ekor merah kini mendapat permintaan mengalakkan daripada penduduk tempatan dan luar kerana rasanya dikatakan hampir sama dengan ikan baung liar Sungai Pahang.

Katanya, dia memelihara ikan itu lebih 15 tahun lalu selepas mendapati sambutan pengguna mengalakkan dan dijual dengan harga antara RM15 hingga RM20 sekilogram (kg).

Katanya, permintaan terhadap ikan itu bertambah dua hingga empat kali ganda setiap kali menjelang sambutan Tahun Baru Cina.

"Isinya yang pelai dijadikan hidangan keluarga. Saya kini mempunyai lebih 6,000 ikan baung ekor merah yang dimerak dalam empat sangkar di Kampung Pulau Keladi, setiap minggu sehingga 500kg ikan dipasarkan kepada pemborong tempatan dan Kuala Lumpur.

"Ikan ini dipasarkan apabila mencapai usia 10 hingga 15 bulan dengan berat lebih sekilogram, memelihara ikan ini mudah dan tidak cerewet kerana hanya perlu memberi makan sekali hingga dua kali seminggu bagi ikan dewasa," katanya.

Khairul yang turut memelihara ikan patin emas, jelawat, kerai dan baung tempatan berkata, dia mendapat bekalan benih ikan daripada pembekal di Kuala Lumpur dengan harga antara 60 sen hingga RMI seekor mengikut saiz dan usia.

Katanya, sebelum ini Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan penternak ikan di daerah ini supaya memastikan ikan baung ekor merah tidak terlepas ke dalam sungai.

"Saya difahamkan, ia antara 32 spesies ikan yang dilarang dilepaskan ke dalam perairan umum negara ini kerana ia dikategorikan sebagai ikan pemangsa.

"Saya dan penternak lain sentiasa mematuhi nasihat pegawai jabatan perikanan

yang mengingatkan supaya ikan ini tidak terlepas ke dalam Sungai Pahang bagi mengelak berlaku pembiakan secara berleluasa.

"Panduan dan tunjuk ajar diberikan sentiasa diikuti bagi memastikan industri perikanan air tawar di daerah ini tidak terjejas sehingga merugikan kami sebagai penternak," katanya turut memelihara ikan patin jenis Chao Phraya yang tidak boleh berada di perairan umum.


Beberapa penternak daerah ini yang ditemui mendakwa, mereka sudah lama memelihara ikan itu untuk memenuhi permintaan pemborong di beberapa negeri.

Selain ikan baung ekor merah, beberapa spesies lain yang dilarang dilepaskan ke perairan umum turut dimerak secara komersial.

Tinjauan mendapati penternak menggunakan jaring untuk menutip keseluruhan sangkar bagi memastikan ikan itu tidak terlepas ke dalam Sungai Pahang.



KHAIRUL (kanan) meninjau ikan baung ekor merah yang dimeraknya.



# REZEKI 'IKAN LARANGAN'

Baung ekor merah dari Vietnam ditegak lepas ke sungai

## Kesan buruk kepada hidupan air

**Kesan:** Jabatan Perikanan Pahang menggesa penternak ikan baung ekor merah secara komersial dalam sangkar tidak melepaskannya ke dalam sungai bagi mengelak kesan negatif terhadap ekosistem.

Walaupun permintaan terhadap ikan itu di pasaran kini dikatakan begitu tinggi, namun jika tiada kesedaran dalam kalangan penternak, ia akan menimbulkan keburukan pada masa akan datang.

Pengarahnya Azahari Othman berkata, spesies dikategorikan sebagai ikan pemangsa itu antara 32 spesies ikan yang tidak dibenarkan dilepaskan ke dalam sungai, empangan, tasik dan lombong di negara ini.

Katanya, justeru pihaknya

sentiasa memantau dan mengawasi industri ternakan ikan baung ekor merah di negeri ini supaya setiap penternak mematuhi cadangan dan peraturan terutama membabitkan sangkar.

Bellau berkata, walaupun ikan itu mendapat permintaan tinggi namun pihaknya tidak pernah menggalakkan orang ramai memeliharanya.

"Banyak spesies ikan lain boleh dimerak seperti patin, jelawat, kerai dan kelah yang turut mendapat pasaran baik ikan baung ekor merah dikategorikan sebagai ikan pemangsa yang akan mengganggu ekosistem perairan jika berada dan membabitkan dalam perairan umum.

"Ia ikan yang agresif

memakan pelbagai hidupan dalam air termasuk anak ikan dan udang, saiz matangnya mencapai puluhan kilogram berat.

"Kehadiran ikan ini di perairan negara turut boleh membawa penyakit yang akan merebak kepada ikan tempatan terutama yang dimerak dalam sangkar," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Bellau berkata, mereka yang memelihara secara dalam sangkar perlu melakukan pengawalan terbaik bagi memastikan la

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	11



BAUNG ekor merah dipasarkan apabila mencapai usia 10 hingga 15 bulan.



KHAIRUL menunjukkan ikan baung ekor merah yang diternak di perairan Sungai Pahang.

“Kehadiran ikan ini di perairan negara turut boleh membawa penyakit yang akan merebak kepada ikan tempatan terutama yang diternak dalam sangkar”  
Azahari Othman

sama dengan baung tempatan namun warna merah pada ekor saja yang membezakan dua spesies berkenaan.  
Menurutnya, pihaknya memandang serius kegiatan memternak ikan baung ekor merah di negeri ini, justeru pemantauan secara berterusan akan dilakukan pegawai di peringkat daerah.  
“Program kesedaran terhadap kesan kepada ekosistem berpunca daripada ikan ini turut dilakukan bagi memastikan penternak mengambil langkah terbaik mengelak ia terlepas ke sungai.  
“Pegawai pejabat perikanan daerah akan melakukan pemeriksaan secara berjadual bagi memastikan penternak menutup dengan jalin keseluruhan sangkar mereka supaya ikan tidak melompat keluar,” katanya.



ADIL bersama pelbagai hidangan berasaskan roti canai di kedainya di Kampung Losong.

## Macam-macam roti canai

**Kuala Terengganu:** “Saya tidak sangka transformasi dibuat terhadap roti canai ini mendapat sambutan luar biasa,” kata Adil Abdul Rahman, 37, ketika ditemui di kedainya di Kampung Losong di sini, semalam.  
Adil berkata, dia menjalankan perniagaan sejak 2015 dan sepanjang tempoh itu sebanyak 40 hidangan disediakan termasuk lebih 20 menu berasaskan roti canai diperbaharui mengikut cita rasa terkini.  
“Semua hidangan roti canai yang dijual datang daripada idea sendiri bagi memastikan ia memenuhi cita rasa pelanggan. Roti goyang gedik, syawarna, roti canai kebab, roti canai kambing bakar dan roti ayam bakar

antara paling mendapat sambutan.  
“Sambutan diterima sangat positif, terutama roti goyang gedik yang boleh dijual lebih 100 biji sehari,” katanya.  
Katanya, dia mempelbagaikan menu berasaskan roti canai kerana menyedari ‘trend’ makanan kini memerlukan hidangan unik dan lain daripada yang lain.  
“Ketika awal bermiaga, saya hanya menjual roti canai kosong, telur dan sardin saja dan kurang mendapat sambutan. Skop pelanggan terhadap hidangan itu terhad hanya dalam kalangan penduduk sekitar tetapi apabila memperkenalkan menu yang unik, pelanggan dari jauh juga sanggup datang

ke kedai,” katanya.  
Adil berkata, apabila hidangan diciptanya itu mendapat sambutan, ia memberi kepuasan sekali gus menjadi motivasi untuknya mencipta dan memperkenalkan menu terbaru kepada pelanggan.  
“Harapan saya supaya pelanggan tidak jemu dengan hanya satu hidangan roti canai saja, biar mereka mempunyai banyak pilihan,” katanya yang tinggal di Taman Desa Jaya, Gong Pak Damar, Kuala Nerus.  
Sementara itu, pelanggan Abdul Karim Hasan, 25, dari Kampung Simpang Tok Ku, di sini, berkata keunikan hidangan disediakan di gerai Adil Roti mendorongnya ke kedai itu setiap minggu.



ADIL melayan pelanggan di kedai rotinya di Kampung Losong.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

## Nelayan resah projek benteng pemecah ombak lewat

**KEMAMAN 27 Jan.** - Kira-kira 200 nelayan pantai di Pantai Tanjung, Kuala Kemasek di sini menggesa kerajaan negeri menyegerakan projek pembinaan benteng pemecah ombak bernilai RM6 juta yang sepatutnya dilaksanakan awal tahun ini.

Kelewatan projek itu menyebabkan bangsal pendaratan, kedai Koperasi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kemasik dan sebuah rumah rosak teruk apabila diancam hakisan dan keadaan tersebut makin serius berikutan fenomena ombak besar pada minggu lalu.

Seorang nelayan, Rosli Sulong, 53, berkata, masalah hakisan di kawasan tersebut sudah berlarutan sejak 20 tahun lalu dan kali ini lebih buruk dengan kira-kira 100 meter daratan hilang 'dimakan' lautan.

Katanya, lebih meresahkan apabila kawasan yang terhakis itu merupakan tempat pendaratan dan meletak bot pada musim tiupan angin tenggara.

"Bila berlaku hakisan nelayan sudah tidak boleh letak bot di tepi pantai, jadi saya harap kerajaan dapat segera bina benteng.

"Kalau dibiarkan begini, dalam masa dua atau tiga tahun kawasan ini mungkin sudah tidak ada lagi," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Bagi Endut Omar, 53, jika hakisan berkenaan dan bangsal nelayan yang roboh itu tidak dibaik pulih sedikit sebanyak akan menyukarkan nelayan untuk keluar semula ke laut pada April depan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik, Ir. Saiful Azmi Suhaili berkata, kerja-kerja pembinaan benteng

untuk perlindungan dan pendaratan nelayan di kawasan tersebut dijangka dilakukan sebulan lagi.

Katanya, ketika ini kerja-kerja menyiapkan tender oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah selesai.



**ROSLI SULONG**



**ENDUT OMAR**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	28

**T**ARIKH 16 Oktober telah diisytihar sebagai Hari Makanan Sedunia oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) bermula pada 1945.

Hari Makanan Sedunia diadakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai kepentingan industri pertanian yang memainkan peranan penting dalam pengeluaran makanan dan mengelakkan isu kebuluran.

Di Malaysia, mewah makan mencetuskan sikap negatif iaitu tidak menghargai dan membazir makanan.

Sikap membazir makanan oleh rakyat Malaysia bukan sahaja serius, malah berada pada tahap kritikal.

Perkara tersebut merujuk kepada data pembaziran makanan yang dikeluarkan oleh syarikat pengurusan sisa pepejal negara, SWCorp. pada 2015 iaitu 3,000 tan metrik makanan yang masih boleh dimakan, tetapi dibuang begitu sahaja setiap hari oleh rakyat Malaysia.

Data terbaru SWCorp. iaitu pada 2017 pula menunjukkan sisa makanan merupakan komponen pepejal tertinggi dibuang di tapak pelupusan sampah iaitu 55 peratus.

Walaupun sisa makanan mampu terbiodegradasi secara semula jadi tidak seperti plastik atau komponen sisa pepejal lain, namun proses tersebut mengambil masa beberapa bulan dan akan melibatkan pengeluaran gas rumah hijau yang banyak dan berterusan dan mengancam alam sekitar. Pengeluaran gas rumah hijau juga akan mengakibatkan perubahan cuaca dan mengancam



SANGGUPKAH kita terus melihat makanan dibazirkan setiap kali ada kenduri atau majlis?



**ANIADILA KAMARUDDIN**

sektor pertanian negara sekali gus mengganggu usaha negara memastikan kecukupan makanan untuk generasi akan datang.

Sekiranya sikap buruk ini tidak dikurangkan mahupun dihentikan, jumlah sisa makanan di tapak pelupusan sampah akan

menyamai 16 tingkat menara KLCC pada 2020.

Menurut Timbalan Pengarah Program MySaveFood, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Aniadila Kamaruddin, rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan mempunyai pelbagai jenis sambutan



SISA makanan yang dibuang sepatutnya dikitar semula untuk dijadikan bahan berguna.

perayaan. Faktor tersebut turut mempengaruhi kewujudan kepelbagaian jenis makanan yang boleh didapati dengan mudah.

Tambahan pula, budaya sambutan rakyat Malaysia yang diukur menerusi

kemewahan hidangan kepada tetamu dan pelanggan telah menjadi satu kemestian dalam pelbagai acara keramaian.

Dari situ, sikap tamak untuk merasai semua hidangan yang menarik menjadi punca kepada pembaziran makanan.

“Jumlah makanan diambil pula tidak mengikut kemampuan badan tetapi mengikut nafsu dan perasaan.

Maka berlakulah pembaziran makanan yang bukan sahaja di rumah, malah di restoran hotel dan pejabat,” ujarnya.

Katanya, sikap sebegini perlu diubah kepada lebih bertanggungjawab dalam soal menghargai makanan dan menghentikan pembaziran.

Isu pembaziran juga sebenarnya perlu diubah bermula daripada diri sendiri dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengurangkan pembaziran makanan kepada separuh menjelang 2030.

Pembaziran makanan berdasarkan

kualiti sememangnya membimbangkan. Ia berlaku bukan sahaja di peringkat pengguna malah di peringkat pengeluaran makanan juga.

Pembaziran makanan di peringkat pengeluaran seperti di ladang dinamakan kehilangan lepas tuai.

Ia berlaku disebabkan pelbagai faktor antaranya kecuaihan pengurusan hasil tuai.

Kehilangan lepas tuai bagi sayuran dan buah-buahan biasanya mencatat antara 20 dan 50 peratus.

Perkara ini dapat dilihat seperti separuh daripada hasil tanaman hilang di sepanjang rantaian pengeluaran akibat pengurusan yang tidak mengikut spesifikasi.

Bagi memasuki pasaran pula, produk pertanian seperti sayur dan buah-buahan perlu melalui standard kosmetik dan perlu dalam keadaan sempurna tanpa kecacatan.

Ini disebabkan persepsi pengguna terhadap produk makanan iaitu sayur dan buah-buahan yang sempurna adalah lebih baik daripada yang tidak sempurna (*ugly fruit/vegetables*).

Persepsi sempurna di peringkat pengguna perlu diubah bagi memastikan sayur atau buah-buahan yang tidak sempurna atau bentuk dan fizikal kurang memuaskan masih boleh dimakan dan mempunyai khasiat yang sama.

Kewujudan lebih banyak bank makanan di Malaysia adalah satu perkembangan yang baik kerana ia perlukan kerjasama daripada semua pihak. Menerusi perkongsian maklumat oleh pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat iaitu Food Aid Foundation, The Lost Food Project dan



Kechara Food Kitchen, sokongan daripada pengeluar makanan amat menggalakkan.

Namun kerana program tersebut dilaksanakan secara sukarela, ia sukar berkembang.

Ini kerana cuaca panas menyebabkan makanan mudah rosak sekiranya tidak disimpan dengan betul. Isu keselamatan makanan di peringkat ini amat kritikal terutama jika melibatkan makanan yang telah dimasak.

"Kumpulan sasaran perlu dikenal pasti terlebih dahulu.

Mereka perlukan golongan yang benar-benar memerlukan.

"Menerusi pengalaman melalui MySaveFood@Ramadan, kami akan kenal pasti penerima terlebih dahulu. Makanan juga akan diberi sebanyak yang perlu mengikut bilangan ahli.

"Makanan yang telah dimasak biasanya perlu diedarkan serta merta dan masa edaran juga perlulah bersesuaian seperti sebelum waktu makan. Bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lengkap dengan freezer, makanan dimasak boleh dibekukan dahulu jika masa tidak mengizinkan.

"Tetapi juga perlu diedarkan dalam tempoh tertentu," ujarnya lagi.



# Kempen bantu ubah persepsi

**F**AO memandang serius kempen kesedaran yang bertujuan mengubah persepsi masyarakat terhadap makanan dan tidak membazir.

Kempen ini dijalankan menerusi beberapa komponen iaitu pendidikan, media dan tanggungjawab sosial.

Sehingga kini, lebih daripada 100 program kesedaran telah diadakan menerusi kerjasama awam-swasta untuk orang awam dan pelajar.

Program kesedaran di sekolah-sekolah dianjurkan menerusi kerjasama dengan sebuah pasar raya besar yang dinamakan Program Kebun Dapur.

Menerusi program berkenaan, MySaveFood membangunkan modul pendidikan interaktif untuk mendidik pelajar sekolah mengenai konteks menghargai makanan.

Modul tersebut melibatkan MARDI dalam membangunkan laman kebun dapur (*edible*) untuk mendidik pelajar mengenai penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Sesi pembangunan laman *edible* juga mengajar pelajar mengenai jenis sayuran, herba malah buah-buahan nadir dan bagaimana ia ditanam daripada benih hinggalah waktu matang.

Ia diikuti dengan segmen interaktif bersama pelajar yang akan turut diberi pendedahan mengenai perlunya menghargai makanan menggunakan modul harga makanan MySaveFood.

Modul ini akan menerangkan kepada pelajar mengenai proses ringkas bagaimana makanan

## INFO

- MySaveFood ditubuhkan pada 2015.
- Merupakan satu projek kerjasama dengan FAO di bawah SaveFood Global.
- Malaysia merupakan negara kedua di Asia dicadangkan menyertai SaveFood Global selepas Thailand.
- MySaveFood dilancarkan pada Mac 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
- Objektif penubuhan MySaveFood adalah untuk menjalankan kempen kesedaran awam mengenai pembaziran makanan dan untuk membentuk jaringan awam-swasta di bawah satu platform.
- Aktiviti seperti pameran, taklimat dalam seminar dan bengkel serta program kesedaran di sekolah melibatkan lebih 100,000 orang

dihasilkan.

Bukan itu sahaja, Kementerian Kesihatan juga turut menyertai program berkenaan bagi mendidik pelajar untuk mengambil makanan secara sihat melalui Kempen Susu-Suku Separuh. Program Kebun Dapur ini merupakan satu model lengkap mendidik generasi muda mengenai menghargai makanan dan elakkan membazir serta membentuk amalan



**PROGRAM** Kebun Dapur yang dianjurkan oleh MARDI bersama pelajar dengan kerjasama sebuah pasar raya besar membantu menerapkan kempen My Savefood

pemakanan sihat.

Melalui media pula, iklan MySaveFood dikedudarkan oleh dua stesen TV utama

Selain itu, menerusi program tanggungjawab sosial bersama NGO, MySaveFood@Ramadan mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja daripada NGO, malah pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurut **Ami Adila Kamaruddin**, masyarakat kini dilihat agak terbuka untuk menyertai sebarang program berbentuk *food bank*. Namun ia perlu dipusatkan supaya mudah bagi semua pihak untuk membantu menyelaras. "Setakat ini Turki, Perancis dan Denmark amat aktif dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan.

"Contoh kempen kesedaran yang boleh diikuti adalah Kempen Mengurangkan Pembaziran Roti yang dijalankan di Turki secara besar-besaran pada 2013.

Kempen tersebut mendapat sokongan padu daripada Presiden Turki sendiri dan pelbagai aktiviti dan promosi dilaksanakan bukan sahaja oleh agensi-agensinya kerajaan, malah turut melibatkan syarikat swasta, hotel, restoran dan pihak media.

Kempen ini juga berjaya mengurangkan pembaziran

**SALAH** satu perkara yang sinonim dengan amalan berpuasa ialah limpahan makanan sehingga berlakunya pembaziran yang bertentangan dengan tuntutan berpuasa itu sendiri. -GAMBAR HIASAN

roti yang bernilai 2.8 bilion lira dalam tempoh setahun.

Perancis pula negara contoh dalam pembangunan polisi mengurangkan pembaziran makanan. Polisi ini tertakluk kepada pasar raya iaitu mereka digalakkan untuk menyerahkan produk makanan sama ada segar atau produk proses kepada *food bank*. Jumlah serahan tersebut akan dinilai dan diberi pengecualian cukai.

Berbeza pula dengan Denmark yang menggalakkan semua pihak untuk terlibat secara sukarela. Menerusi galakan daripada kerajaan Denmark, banyak *food bank* ditubuhkan bagi menampung makanan yang didermakan oleh pelbagai pihak.

Malah, chef-chef di Denmark turut aktif menghasilkan makanan bernilai tinggi (gastronomi) daripada berlebihan makanan.

Secara keseluruhannya, Denmark memperkenalkan konsep ekonomi sirkular iaitu makanan dapat dikurangkan jika dirancang sebaik mungkin.

Hala tuju MySaveFood seterusnya adalah untuk menjalankan penyelidikan dari peringkat pengeluaran makanan hingga ke pengguna untuk mengenal pasti isu sebenar pembaziran makanan serta di peringkat mana yang menyumbang paling banyak isu berkenaan.

Seterusnya, sebarang garis panduan, prosedur operasi standard (SOP), penguatkuasaan atau polisi yang sesuai boleh dibangunkan bagi panduan kepada yang terlibat.

Dengan usaha-usaha ini, adalah tidak mustahil untuk kita rakyat Malaysia mengurangkan sebahagian makanan dibazirkan menjelang 2030.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2019	KOSMO	NEGARA	14

## Jualan My Best Buy di pejabat FAMA cawangan setiap bulan



NAZIPAH (tiga dari kanan) mendengar penerangan mengenai kerepek lemak daripada pengusaha, Norakhadah Yatimin (kanan) pada Jualan My Best Buy di pekarangan Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu semalam.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Jualan My Best Buy anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menawarkan barangan keperluan pada harga lebih murah daripada pasaran akan diadakan setiap bulan di pekarangan pejabat cawangan agensi itu di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Datuk Nazipah Jamaluddin berkata, Jualan My

Best Buy yang bertujuan membantu warga bandar menangani kenaikan kos sara hidup itu akan diadakan pada hujung minggu keempat setiap bulan.

Jualan My Best Buy memberi penekanan kepada jualan produk industri kecil dan sederhana, barangan segera dan kawalan dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran.

“Jualan My Best Buy dahulunya dilaksanakan di pasar tani dan pasar pagi terpilih di seluruh negara.

“Pada tahun ini, kita mengubah pendekatan dengan menganjurkannya di pekarangan pejabat cawangan FAMA di seluruh negara agar lebih ekonomik selain mendekati pelanggan dengan agensi kami,” katanya selepas merasmikan Jualan My Best Buy di pekarangan pejabat FAMA Terengganu di sini semalam.

Nazipah berkata, sambutan diterima daripada pengguna amat menggalakkan dengan kehadiran kira-kira 2.7 juta orang

dan nilai jualan hampir RM48.3 juta sejak tahun 2014.

Jelasnya, FAMA menyasar untuk mencapai nilai jualan mencecah lebih RM16 juta dengan kehadiran lebih sejuta pengguna pada tahun ini.

“Selain di peringkat cawangan, FAMA juga akan menganjurkan Jualan My Best Buy mengikut tema negeri yang berbeza di ibu pejabat agensi kami di Bandar Baru Selayang, Selangor pada setiap bulan,” katanya.